KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	6/9/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	34
JABATAN	:	TNB			

TNB Genco bantu 2,000 Orang Asli dapat vaksin

UM, 6/9/2021 M/S 34

PETALING JAYA: TNB Genco dengan kerjasama Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Gua Musang dan Jaringan Kampung Orang Asli Kelantan (JAKOAK) telah menganjurkan Program Imunisasi Vaksinasi Orang Asli dan penduduk tempatan selama lima hari bermula 29 Ogos lalu.

Hampir 2,000 penduduk Orang Asli menerima vaksin di program tersebut yang berlangsung di Pos Brooke dan Pos Hendrop, Gua Musang, Kelantan.

Anak syarikat milik penuh Tenaga Nasional Berhad (TNB) itu berkata, bagi melancarkan program, pihaknya turut menyumbang peralatan perubatan dan keperluan logistik seperti khemah dan peralatan siar raya kepada petugas barisan hadapan, sukarelawan dan penerima vaksin.

"Selain itu, TNB Genco turut menyumbang pek makanan asas kepada 1,300 keluarga Orang Asli yang terjejas mata pencarian akibat pandemik Covid-19," katanya dalam kenyataan.

Menurut TNB Genco, syarikat memiliki, mengurus dan mengendalikan loji tenaga domestik, perniagaan penjanaan tenaga boleh diperbaharui, oerpasi loji tenaga dan pengenggaraan serta operasi terminal pukal kering.



PENDUDUK Gua Musang termasuk Orang Asli mendapatkan suntikan vaksin melalui program anjuran TNB Genco, PKD dan JAKOAK.